

**The Sarawak Museum Journal****Vol. XLVII No. 68****December 1997****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (1997). Sultan Tengah (Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir). The Sarawak Museum Journal, XLVII (68): 265-291

SULTAN TENGAH (SULTAN SARAWAK PERTAMA DAN TERAKHIR)**Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri**

Apabila Sultan Muhamad Hasan lindung pada T.M. 1598, takhta Kerajaan diganti oleh putera baginda Sultan Abdul Jalilul Akbar kerana baginda putera yang tertua lagi gahara. Datu Imam Aminuddin mencatatkan, “*Adalah anak Sultan Hasan itu yang tua, ialah menggantikan Kerajaan, dinaikkan raja bernama Sultan Abdul Jalilul Akbar. ialah raja yang kesepuluh di dalam Brunei!*”. Tatkala mulai menaiki takhta itu adinda baginda, PengiranMudaTengah ibnu Sultan Muhamad Hasan pun nampaknya seakan-akan berkehendak juga hendak menaiki takhta itu dengan alasan bahawa baginda diputerakan padamasa ayahanda baginda telah menjadi Sultan; sedangkan kekandanya dikatakan diputerakan sebelum ayahanda baginda Sultan Muhamad Hasan menaiki takhta.

SULTAN TENGAH (SULTAN SARAWAK PERTAMA DAN TERAKHIR)

oleh

Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri

Apabila Sultan Muhamad Hasan lindung pada T.M. 1598, takhta Kerajaan diganti oleh putera baginda Sultan Abdul Jalilul Akbar kerana baginda putera yang tertua lagi gahara. Datu Imam Aminuddin mencatatkan, "Adalah anak Sultan Hasan itu yang tua, ialah menggantikan Kerajaan, dinaikkan raja bernama Sultan Abdul Jalilul Akbar. Ialah raja yang kesepuluh di dalam Brunei"¹. Tatkala mulai menaiki takhta itu adinda baginda, Pengiran Muda Tengah ibnu Sultan Muhamad Hasan pun nampaknya seakan-akan berkehendak juga hendak menaiki takhta itu dengan alasan bahawa baginda diputerakan pada masa ayahanda baginda telah menjadi Sultan; sedangkan kekandanya dikatakan diputerakan sebelum ayahanda baginda Sultan Muhamad Hasan menaiki takhta.

Menurut tradisi lisan maksud Pengiran Muda Tengah ingin hendak menjadi Sultan itu disamarkan dengan cakap gila-gila bahasa, untuk mencari sebab yang boleh menimbulkan sesuatu perselisihan atau retak (latar) mencari belah dengan kekanda baginda. Kalau Pengiran Muda Tengah ini berjumpa dengan orang tua-tua yang tahuhan adat istiadat Diraja Brunei, antara lain yang ditanyakkannya kepada mereka itu siapa yang layak menjadi Sultan, sama ada putera Sultan yang gahara atau putera kepada Pengiran Muda? Jawapan yang disembahkan pada keseluruhannya mengatakan, "putera Sultan yang gahara yang berkelayakan menjadi Sultan." Setelah menerima jawapan sedemikian Pengiran Muda Tengah pun mengatakan dirinya yang lebih layak menjadi sultan kerana baginda diputerakan pada masa ayahandanya telah menjadi sultan, manakala kekandanya Sultan Abdul Jalilul Akbar diputerakan sebelum Sultan Muhamad Hasan menaiki takhta.

Sultan Abdul Jalilul Akbar adalah seorang yang bijak, cepat faham akan telatah dan maksud adinda baginda itu, tetapi baginda pura-pura tidak mengetahuinya. Di samping itu secara halus bagi mengelakkan berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini baginda merancang sesuatu cadangan yang boleh menyelesaikan masalah itu dengan menjadikan adinda baginda itu sultan dalam daerah yang diperintahkan oleh Brunei.

Dalam *Salasilah Raja-Raja Brunei* dari Sambas kisah ini dicatatkan antara lain:

Sebermula ada pun seorang anak Marhum Tua (sebenarnya Sultan Muhamad Hasan) seorang bernama Raja Tengah, baginda gagah berani

tiada berlawan serta dengan sekalian barang kerjanya tiada bertentu, setelah dilihat oleh kekandanya Sultan Abdul Jalilul Jabar (sebenarnya Sultan Abdul Jalilul Akbar) maka baginda pun dukacita hendak dibuang tiada terbuang kerana tiada siapa dapat berlawan dengan dia itu. Hatta maka dipanggil bekanda baginda seraya titah baginda, "Hai saudaraku ada pun hal bekanda ani sudahlah ditetapkan Allah menjadi Raja di dalam negeri Brunei, adindapun hendak bekanda rajakan maka suka hati bekanda kerana kita sama juga anak Marhum." Maka sembah Raja Tengah, "Ya Tuanku ada pun patik ani hamba di Bawah Duli Tuanku, mana-mana titah patik junjung." Tiada ia tahu akan dirinya hendak dikeluarkan dari negeri Brunei. Setelah demikian maka titah bekanda baginda, "Jikalau demikian baiklah adinda bekanda rajakan di Sarawak dan baik bawa adinda Sakai seribu akan teman adinda." Maka sembah Raja Tengah, "Mana-mana titah patik junjung".²

Sultan Tengah Raja Sarawak

Setelah tawaran lantikan menjadi Sultan Sarawak diterima oleh Pengiran Muda Tengah, maka baginda seterusnya menjunjung penentuan masa keberangkatan adinda baginda itu ke Sarawak.

Menurut *Salasilah Raja-Raja Brunei* keberangkatan Sultan Tengah ke Sarawak diiringkan oleh seribu (1,000) orang Brunei³ yang terdiri daripada keturunan Sakai (hulubalang), Kedayan dan orang dari Pulau Bunut. Di samping itu beberapa orang pegawai dan anak orang baik-baik yang asalnya memegang peranan penting dalam pemerintahan negara telah diaturkan juga untuk mengiringkan. Sebahagian besar pengiring-pengiring Sultan Tengah inilah yang menjadi datuk nenek orang Melayu Sarawak⁴ masa ini, dan mereka masih menyebut diri mereka berasal daripada Brunei walaupun mereka telah diam beberapa lama di Sarawak.⁵

Setelah berada di Sarawak, mula-mula baginda membangun Istana, Lapau dan kota berkeliling Istana. Selepas itu baginda melantik pembesar-pembesar negara yang diperlukan untuk pentadbiran. Antara lain pengurniaan gelaran yang dianugerahkan kepada pengiring-pengiring baginda ialah Dato Petinggi Seri Setia, Dato Shahbandar Indera Wangsa, Dato Amar Setia Diraja dan Dato Temenggong Laila Wangsa. Pengurniaan gelaran yang bermula dalam zaman Sultan Tengah inilah seterusnya dijalankan di Sarawak hingga ke zaman pemerintahan James Brooke. Cara-cara perlaksanaan istiadat mengurniakan gelaran itu adalah menurut adat istiadat Diraja yang lazim dijalankan di Brunei. Setelah sempurna semuanya barulah baginda memasyhurkan diri baginda dengan nama Sultan Ibrahim Ali Omar Shah,⁶ Sultan Sarawak yang pertama.